



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 525

AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994

Beta bersetuju

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Jaya b'.

.....
Yang di-Pertuan Agong

.....
29/8/..... 1994

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 525

AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Pemakaian bagi pemfosikan, pendulangan, dsb.
3. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

4. Perlantikan Ketua Pengarah Galian, Timbalan Ketua Pengarah, dsb.
5. Fungsi dan kewajipan Ketua Pengarah.
6. Perwakilan fungsi atau kewajipan oleh Ketua Pengarah.
7. Fungsi dan kewajipan Pengarah.
8. Fungsi dan kewajipan Penolong Pengarah.

BAHAGIAN III

PENGAWALSELIAAN PENJELAJAHAN DAN PERLOMBONGAN

9. Pemegang tenemen mineral untuk mengemukakan salinan tenemen mineral dan pertukaran alamat kepada Pengarah, dsb.
10. Pengemukaan skim pengendalian melombong.

Seksyen

11. Notis cadangan untuk menjelajah atau menjalankan kerja pembangunan.
12. Pematuhan skim pengendalian melombong.
13. Amalan baik dan selamat dan standard alam sekeliling.
14. Pengurus lombong.
15. Arahan oleh pengurus lombong.
16. Pelan hendaklah diberikan.
17. Buku rekod mengenai pengendalian.
18. Air efluen.
19. Hakisan.
20. Peninggalan lombong.

BAHAGIAN IV

KEMALANGAN DAN SIASATAN

21. Prosiding apabila berlaku kemalangan dan kejadian berbahaya.
22. Prosedur bagi siasatan.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN, PENYIASATAN, KETERANGAN,
KESALAHAN DAN PENALTI

Bab 1—Penguatkuasaan dan Penyiasatan

23. Penguatkuasaan oleh pegawai galian.
24. Kuasa untuk menyiasat.
25. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes.
26. Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.
27. Kuasa menangkap, menyita dan menyiasat.
28. Menggeledah dengan waran.
29. Menggeledah tanpa waran.
30. Pemulangan sementara benda yang disita.
31. Pelucuthakan benda yang disita.
32. Kos memegang benda yang disita.

Pembangunan Mineral

Seksyen

33. Tiada kos atau gantirugi boleh didapati berbangkit daripada penyitaan.
34. Kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah alat pengangkutan.

Bab 2—Keterangan

35. Perakuan tentang nilai mineral atau keluaran mineral, dsb.
36. Sampel.
37. Perakuan analisis.
38. Perlindungan informer.

Bab 3—Kesalahan dan Penalti

39. Pelbagai kesalahan.
40. Penalti kerana tidak mengemukakan atau mematuhi skim pengendalian melombong.
41. Kesalahan berhubungan dengan perlindungan lubang lombong tertinggal, dsb.
42. Mengganggu, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang disita.
43. Penalti kerana tidak mematuhi perintah yang sah.
44. Kesalahan berkenaan dengan maklumat.
45. Kehilangan atau kebinasaan apa-apa benda yang disita.
46. Perbuatan cuai.
47. Menggalang pegawai galian.
48. Penggunaan maklumat sulit.
49. Penyalahgunaan kuasa.
50. Percubaan dan persubahatan.
51. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
52. Kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmat.
53. Penalti bagi kesalahan yang berterusan.
54. Penalti am.
55. Pengkompaunan kesalahan.

Bab 4—Am

Seksyen

56. Pemulaan prosiding dan penjalanan pendakwaan.
57. Mendapatkan kembali wang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

58. Larangan terhadap pendedahan maklumat.
59. Larangan penyalahgunaan maklumat yang didapati atas sifat rasmi.
60. Kad kuasa.
61. Perlindungan pegawai.
62. Penyampaian notis,

BAHAGIAN VII

PERATURAN-PERATURAN

63. Peraturan-peraturan.

BAHAGIAN VIII

PERUNTUKAN PERALIHAN DAN KECUALIAN, DSB.

64. Peruntukan peralihan dan kecualian.
65. Percanggahan undang-undang.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 525

AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan dan pengawalseliaan penjelajahan dan perlombongan mineral-mineral dan bijih-bijih mineral dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembangunan Mineral 1994 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia; bagaimanapun Menteri boleh melalui perintah menggantung kuatkuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di mana-mana Negeri.

2. Akta ini hendaklah terpakai bagi pemfosikan, pendulangan, pencarigalian, penjelajahan, perlombongan dan pemprosesan mineral-mineral dan bijih-bijih mineral dan bagi lombong-lombong, mineral-mineral dan bijih-bijih mineral amnya.

Pemakaian bagi pemfosikan, pendulangan, dsb.

Tafsiran.

3. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"alat pengangkutan" termasuklah kapal, keretapi, kenderaan, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan lain yang dengannya orang atau barang-barang boleh dibawa;

"analisis" ertinya penentuan komposisi sesuatu spesimen atau sampel dengan kaedah fizik atau kimia atau suatu gabungan kedua-dua kaedah;

"bijih mineral" ertinya apa-apa mineral yang mempunyai faedah ekonomi yang daripadanya satu atau lebih juzuk yang bernilai boleh diperolehi secara menguntungkan melalui pengolahan;

"buangan" termasuklah apa-apa benda beban atas yang dibuang, hampas, apa-apa keluaran perantaraan daripada perlombongan atau pemprosesan mineral yang disimpan stok untuk pengendalian selanjutnya, air yang diolah atau disimpan dalam perlombongan atau pemprosesan mineral, dan apa-apa bahan kimia yang dikeluarkan daripada pengendalian itu untuk sementara atau tetap;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan;

"fosik" ertinya mencari dan mengeluarkan mineral-mineral dengan menggunakan alat-alat yang mudah dan memindahkan mineral-mineral itu sebagai sampel, spesimen atau kerja lapidari tanpa apa-apa niat untuk menjual mineral itu;

"kawasan pembendungan buangan" ertinya mana-mana kawasan yang ditentukan bagi pembendungan buangan dan termasuklah mana-mana kawasan di mana kerja dijalankan bagi pembersihan air yang terkandung dalam buangan itu;

"kerja pembangunan" ertinya apa-apa kerja yang dijalankan berhubungan dengan pembinaan fisik sesuatu lombong;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Galian yang dilantik di bawah seksyen 4 dan termasuklah mana-mana Timbalan Ketua Pengarah Galian;

"Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi" ertinya Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi yang dilantik di bawah Akta Penyiasatan Kajibumi 1974;

Akta 129.

"lesen melombong individu" ertinya suatu lesen melombong individu yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan perlombongan;

"lesen melombong tuan punya" ertinya suatu lesen melombong tuan punya yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan perlombongan;

"lesen memfosik" ertinya suatu lesen memfosik yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pemfosikan;

"lesen mencarigali" ertinya suatu lesen mencarigali yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pencarigalian;

"lesen mendulang" ertinya suatu lesen mendulang yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pendulangan;

"lesen penjelajahan" ertinya suatu lesen penjelajahan yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan penjelajahan;

"lombong", apabila digunakan sebagai kata nama, ertinya mana-mana tempat, korekan atau pengerjaan yang di dalamnya, di atasnya atau dengannya apa-apa pengendalian berkaitan dengan perlombongan sedang dijalankan bersama-sama dengan semua bangunan, premis, binaan, reservoir air, kolam hampas, buangan, lambakan lain dan perkakas yang dipunyai atau bersangkutan dengannya di atas atau di bawah tanah atau di dalam atau di bawah laut bagi maksud mendapatkan, memperolehi atau mengeluarkan apa-apa mineral dengan apa-apa cara atau kaedah atau bagi maksud meriau, mengolah atau menyediakan bijih mineral;

"melombong" ertinya dengan sengaja mendapatkan mineral-mineral dan termasuklah apa-apa pengendalian secara langsung atau tak langsung dan yang perlu baginya atau yang bersampingan dengannya, dan "perlombongan" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"mendulang" ertinya mencuci atau mengayak dengan kualiti, dulang atau sadak bagi maksud memperolehi mineral-mineral;

"menjelajah" ertinya mencari mendapan-mendapan mineral dan termasuklah mencarigali;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perlombongan dan mineral;

"mineral" ertinya apa-apa bahan sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau bergas yang terjadi—

- (a) dengan cara semulajadi;
- (b) hasil daripada perlombongan di dalam atau di atas tanah; atau
- (c) hasil daripada perlombongan di dalam atau di bawah laut atau dasar laut,

terbentuk oleh atau tertakluk kepada suatu proses geologi, tetapi tidaklah termasuk air, "bahan batubatan" sebagaimana ditafsirkan dalam Kanun Tanah Negara

dan "petroleum" sebagaimana ditafsirkan dalam Akta Melombong Petroleum 1966;

Akta 95.

"notis" termasuklah apa-apa pemberitahuan, taksiran, suratcara atau dokumen lain yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Akta ini supaya disampaikan kepada mana-mana orang atau badan;

"olah" ertinya menjadi tertakluk kepada apa-apa proses yang mana perubahan kimia atau fizikal berlaku dalam bahan yang ditaklukkan kepada proses itu;

"pajakan melombong" ertinya suatu pajakan melombong yang sedang berkuatkuasa yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawalselia perlombongan;

"pegawai galian" ertinya Ketua Pengarah Galian, mana-mana Pengarah Galian, Penolong Pengarah Galian, Pembantu Kanan Galian, Pembantu Galian atau mana-mana pegawai lain yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah;

"pegawai polis" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Polis 1967;

Akta 344.

"pemprosesan mineral" ertinya apa-apa aktiviti yang dengannya mineral-mineral atau bijih-bijih mineral diolah bagi penceriaannya tetapi tidaklah termasuk peleburan dan pembersihan;

"Pengarah" ertinya seorang Pengarah Galian yang dilantik di bawah seksyen 4 dan termasuklah mana-mana Timbalan Pengarah Galian;

"pengurus" ertinya orang yang dilantik sebagai pengurus di bawah seksyen 14;

"Penolong Pengarah" ertinya seorang Penolong Pengarah Galian yang dilantik di bawah seksyen 4;

"sampel" ertinya sesuatu pecahan benda yang terjadi dengan cara semulajadi yang disifatkan sebagai menunjukkan jisim yang daripadanya ia menjadi sebahagian;

"skim pengendalian melombong" ertinya suatu skim pengendalian melombong yang diluluskan di bawah seksyen 10;

"spesimen" ertinya sesuatu pecahan benda yang terjadi dengan cara semulajadi yang tidak semestinya merupakan jisim yang daripadanya ia menjadi sebahagian;

"tanah lombong" ertinya mana-mana tanah yang baginya suatu lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong yang dikeluarkan atau diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan perlombongan sedang berkuatkuasa;

"tenemen mineral" ertinya suatu lesen memfosik, lesen mendulang, lesen melombong individu, lesen mencarigali, lesen penjelajahan, lesen melombong tuan punya, pajakan melombong, atau mana-mana daripadanya bagi maksud penjelajahan atau perlombongan mineral-mineral atau bijih-bijih mineral, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri yang mengawalselia tenemen mineral.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, segala perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang ditafsirkan dalam Kanun Tanah Negara hendaklah disifatkan sebagai mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Kanun itu.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Perlantikan
Ketua
Pengarah
Galian,
Timbalan
Ketua
Pengarah,
dsb.

4. (1) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam untuk menjadi Ketua Pengarah Galian bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

(2) Menteri hendaklah juga melantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah Galian, Pengarah Galian, Timbalan Pengarah Galian, Penolong Pengarah Galian, Pembantu Kanan Galian, Pembantu Galian dan mana-mana pegawai lain yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

(3) Semua pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (2) adalah tertakluk kepada kawalan, arahan dan pengawasan Ketua Pengarah.

(4) Semua pegawai yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

N.M.B. Bab 45.

5. Ketua Pengarah hendaklah—

Fungsi dan kewajipan Ketua Pengarah.

- (a) bertanggungjawab bagi pentadbiran dan penguatkuasaan Akta ini;
- (b) menjalankan pengawasan dan kawalan ke atas aspek-aspek keselamatan berhubung dengan lombong dan bagi pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan, pemilikan, pergerakan, penyimpanan dan pemprosesan mineral-mineral dan bijih-bijih mineral mengikut Akta ini;
- (c) mendapatkan maklumat tentang dan menyimpan rekod pengendalian mengenai pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan, pemilikan, pergerakan, penyimpanan, pemprosesan, pembelian dan penjualan mineral-mineral dan bijih-bijih mineral;
- (d) melaksanakan apa-apa fungsi berhubung dengan Akta ini sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa; dan
- (e) menjalankan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang ternyata kepada Ketua Pengarah dikehendaki, berfaedah atau sesuai bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini.

Perwakilan
fungsi atau
kewajipan
oleh Ketua
Pengaruh.

6. Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili kepada mana-mana pegawai di bawah kawalan, arahan dan pengawasannya penjalanan atau pelaksanaan, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang diperuntukkan dalam suratcara perwakilan itu, apa-apa fungsi atau kewajipannya yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa mana-mana perwakilan di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa fungsi atau kewajipan tidaklah menghalang Ketua Pengarah daripada menjalankan atau melaksanakan fungsi-fungsi atau kewajipan-kewajipan itu sendiri jika ternyata bermanfaat baginya berbuat demikian.

Fungsi dan
kewajipan
Pengaruh.

7. (1) Seseorang Pengarah hendaklah menjalankan fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipan yang diberikan kepada Ketua Pengarah dalam lokaliti geografi di bawah bidang kuasanya.

(2) Seseorang Pengarah hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah apa-apa perkara yang berkenaan dengannya apa-apa tindakan daripada pihak Ketua Pengarah diperlukan.

(3) Seseorang Pengarah hendaklah terletak padanya fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipan seseorang Penolong Pengarah.

Fungsi dan
kewajipan
Penolong
Pengaruh.

8. (1) Seseorang Penolong Pengarah hendaklah—

(a) memeriksa dan mengawalselia penyimpanan, pengangkutan dan penggunaan bahan-bahan toksik, mudah terbakar atau bahan-bahan lain yang berpotensi berbahaya berkenaan dengan atau berhubungan dengan apa-apa aktiviti pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan atau pemprosesan mineral;

(b) menghendaki pemegang sesuatu tenemen mineral untuk menyediakan dan menyenggara dalam kawasan tenemen mineral dan pemprosesan mineral itu mana-mana jalan akses dan jalan-jalan lain yang perlu dan mencukupi bagi maksud akses, keluar,

pelepasan atau pemindahan selamat mana-mana orang yang tercedera;

- (c) memberi apa-apa perintah yang difikirkannya perlu untuk memberhentikan apa-apa pengendalian, penggunaan kelengkapan atau amalan dalam atau dekat dengan mana-mana kawasan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau kemudahan penyimpanan atau lombong atau loji pemprosesan mineral yang—
 - (i) menjejaskan keselamatan atau kesihatan mana-mana orang;
 - (ii) menyebabkan kerosakan kepada harta; atau
 - (iii) menyebabkan kacau ganggu kepada atau mencacatkan kemudahan mana-mana kawasan atau tempat; dan
- (d) memerintahkan pemberhentian serta-merta kerja dalam, dan peninggalan serta-merta semua orang dari, mana-mana kawasan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau kemudahan penyimpanan atau lombong atau loji pemprosesan mineral atau mana-mana bahagian kawasan atau loji itu yang disifatkan sebagai tak selamat, atau membenarkan kerja diteruskan selepas langkah berjaga-jaga diambil atau apa-apa perkara dilakukan sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Seseorang Penolong Pengarah boleh—

- (a) melalui notis bertulis menghendaki seseorang pengurus mengemukakan pelan-pelan pengerjaan lombong dan penyata-penyata yang mengandungi maklumat mengenai apa-apa pengendalian melombong:

Dengan syarat bahawa maklumat itu hendaklah disifatkan, jika diminta secara bertulis oleh pengurus itu, maklumat sulit bagi maksud Akta ini; dan

- (b) membuat apa-apa perintah yang difikirkannya perlu dalam hal pertikaian antara penduduk-penduduk tanah lombong berkenaan dengan pendudukan mereka atau penggunaan tanah itu.

BAHAGIAN III

PENGAWALSELIAAN PENJELAJAHAN DAN PERLOMBONGAN

Pemegang tenemen mineral untuk mengemukakan salinan tenemen mineral dan pertukaran alamat kepada Pengarah, dsb.

9. (1) Mana-mana pemegang lesen mencarigali, lesen penjelajahan, lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas tenemen mineral itu didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, menghantar suatu salinan tenemen mineralnya kepada Pengarah dan kepada Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi.

(2) Mana-mana pemegang tenemen mineral yang disebutkan dalam subseksyen (1) yang telah bertukar alamatnya hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh pertukaran alamat itu, memberitahu Pengarah dan Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi secara bertulis mengenai alamat barunya.

Pengemukaan skim pengendalian melombong.

10. (1) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong adalah dikehendaki mengemukakan bagi kelulusan Pengarah suatu skim pengendalian melombong bagi kerja pembangunan dan perlombongan di atas tanah yang menjadi subjek tenemen mineral itu sebelum bermulanya apa-apa kerja pembangunan atau perlombongan dalam kawasan tenemen mineral itu.

(2) Skim pengendalian melombong hendaklah termasuk—

- (a) tarikh permulaan pengeluaran yang dijangkakan;
- (b) suatu jadual pengeluaran tahunan bijih mentah yang dianggarkan bagi tempoh tenemen mineral itu;

- (c) pelan-pelan pengerjaan lombong itu; dan
- (d) apa-apa maklumat yang ditetapkan atau dikehendaki secara bertulis oleh Pengarah.

(3) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong boleh mengemukakan suatu ubahsuaian kepada skim pengendalian melombong yang diluluskan bagi kelulusan Pengarah dan tidak boleh memulakan apa-apa kerja pembangunan atau perlombongan yang tidak mematuhi skim pengendalian melombong yang diluluskan itu sehinggalah skim pengendalian melombong yang diubahsuaikan itu telah diluluskan oleh Pengarah.

(4) Pengarah hendaklah—

- (a) meluluskan skim pengendalian melombong atau ubahsuaiannya jika pelaksanaan skim itu—
 - (i) boleh menyediakan suatu tempat kerja yang semunasabahnya selamat; dan
 - (ii) tidak membahayakan komuniti yang bersebelahan; dan
- (b) memberitahu pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong itu secara bertulis tentang keputusannya.

(5) Jika Pengarah menolak skim pengendalian melombong atau ubahsuaiannya, dia hendaklah memberitahu pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong itu secara bertulis tentang keputusannya.

(6) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong boleh mengemukakan sekian bilangan skim pengendalian melombong atau ubahsuaiannya sebagaimana yang perlu bagi mendapatkan kelulusan Pengarah.

(7) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong yang terkilan dengan keputusan Pengarah di bawah seksyen ini boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu tentang keputusan itu, merayu secara bertulis kepada Ketua Pengarah yang keputusannya adalah muktamad.

Notis
cadangan
untuk
menjelajah
atau
menjalankan
kerja
pembangunan.

11. (1) Pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah menghantar suatu notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum memulakan penjelajahan kepada Pengarah dan Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi memaklumkan mereka tentang cadangan itu.

(2) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong hendaklah menghantar kepada Pengarah dan Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi suatu notis yang sama sebelum memulakan apa-apa kerja pembangunan.

Pematuhan
skim
pengendalian
melombong.

12. (1) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong hendaklah mematuhi skim pengendalian melombong yang diluluskan di bawah seksyen 10 dan menjalankan kerja pembangunan dan perlombongan mengikut skim pengendalian melombong yang diluluskan itu.

(2) Apabila pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong tidak mematuhi skim pengendalian melombong yang diluluskan itu, Pengarah hendaklah menyiasat perkara itu dan boleh memerintahkan pemegang lesen atau pajakan itu supaya—

- (a) mengusahakan segala langkah yang perlu bagi memastikan skim pengendalian melombong yang diluluskan itu dipatuhi; atau
- (b) menggantungkan kerja pembangunan atau perlombongan sehingga langkah-langkah yang perlu diambil untuk mematuhi skim pengendalian melombong yang diluluskan itu.

(3) Apa-apa langkah yang diambil untuk mematuhi suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) tidak berkuatkuasa untuk melepaskan mana-mana pemegang lesen atau pajakan itu daripada apa-apa liabiliti yang berbangkit di bawah subseksyen (1).

13. Pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan dan pemprosesan mineral hendaklah dijalankan mengikut amalan baik dan selamat dan apa-apa standard alam sekeliling sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan alam sekeliling.

Amalan baik dan selamat dan standard alam sekeliling.

14. (1) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong hendaklah, jika—

Pengurus lombong.

(a) terdapat sepuluh orang atau lebih diambil kerja di lombong itu; atau

(b) Penolong Pengarah telah memberitahu pemegang lesen atau pajakan itu bahawa seorang pengurus adalah dikehendaki,

melantik seorang pengurus lombong.

(2) Perlantikan seseorang pengurus di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan kelulusan Penolong Pengarah.

(3) Jika pengurus yang dilantik di bawah subseksyen (1) terhenti daripada menjadi pengurus lombong itu, pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong hendaklah dalam masa tiga hari dari tarikh pemberhentian itu melantik pengurus lain dengan kelulusan Penolong Pengarah.

(4) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong boleh melantik sekian bilangan penolong pengurus yang perlu bagi membantu pengurus, apa-apa perlantikan itu hendaklah dengan kelulusan Penolong Pengarah.

(5) Jika pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong adalah orang sebenar, dia boleh, tertakluk kepada kelulusan Penolong Pengarah dan peruntukan Akta ini, melantik dirinya sendiri sebagai pengurus lombong itu.

(6) Tiada seorang pun yang telah dilantik pengurus mana-mana lombong boleh, semasa dia memegang perlantikan itu, bertindak sebagai pengurus mana-mana lombong lain tanpa kelulusan bertulis Penolong Pengarah.

(7) Seseorang pengurus yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi kawalan dan pengawasan harian lombong yang dia telah dilantik pengurus; dan
- (b) tinggal berdekatan dengan lombong itu melainkan jika dikecualikan secara bertulis oleh Penolong Pengarah.

(8) Jika seseorang pengurus dikehendaki di bawah Akta ini, tiada kerja boleh dijalankan di lombong itu melainkan jika—

- (a) kehendak seksyen ini telah dipatuhi; dan
- (b) pengurus itu mengawasi pengerjaan lombong itu.

(9) Jika pengerjaan-pengerjaan dalam mana-mana lombong melampaui atau dipisahkan oleh apa-apa jarak yang kawalan dan pengawasan harian oleh seorang pengurus adalah, pada pendapat Penolong Pengarah, tak mencukupi, dia boleh menghendaki supaya seorang pengurus dilantik untuk mengawal dan mengawasi mana-mana pengerjaan itu sebagaimana yang ditentukan olehnya, dan sesudah itu seorang pengurus hendaklah dilantik mengikut Akta ini bagi pengerjaan yang ditentukan sedemikian.

(10) Jika seorang pengurus yang dilantik di bawah seksyen ini menjadi tak upaya daripada melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau akan tidak hadir di lombong itu lebih dari dua hari dia, atau pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong, hendaklah, jika tiada penolong pengurus yang telah dilantik, melantik, dengan kelulusan Penolong Pengarah, mana-mana orang lain untuk bertindak sebagai pengurus selama ketakupayaan atau ketakhadiran itu.

(11) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong dan tiap-tiap pengurus, penolong pengurus dan orang yang dilantik di bawah subseksyen (10) hendaklah memastikan keselamatan segala pengendalian di lombong itu dan pematuhan peruntukan Akta ini.

15. (1) Pengurus mana-mana lombong boleh, dan jika dikehendaki sedemikian oleh Penolong Pengarah hendaklah, mengeluarkan arahan-arahan bertulis untuk dipatuhi oleh mana-mana orang yang diambil kerja dalam atau dekat dengan lombong itu sebagaimana yang perlu dalam hal keadaan tertentu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan mereka.

Arahan oleh
pengurus
lombong.

(2) Suatu salinan arahan-arahan bertulis itu hendaklah dihantar kepada Penolong Pengarah dan jika Penolong Pengarah tidak dalam masa tiga puluh hari dari penerimaannya membantah mengenainya secara bertulis kepada pengurus arahan-arahan bertulis itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (8), mula berkuatkuasa.

(3) Jika Penolong Pengarah tidak meluluskan apa-apa arahan bertulis yang dicadangkan dia hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas menerima arahan-arahan bertulis itu memaklumkan pengurus tentang apa-apa pengubahpindaan, penambahan atau penggantian pada arahan-arahan itu yang difikirkannya patut.

(4) Jika pengurus itu membantah mana-mana pengubahpindaan, penambahan atau penggantian itu dia boleh merujuk perkara itu kepada Pengarah yang keputusannya adalah muktamad.

(5) Apa-apa arahan bertulis yang mula berkuatkuasa di bawah seksyen ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga Penolong Pengarah memerintahkan pembatalannya.

(6) Suatu salinan arahan-arahan bertulis itu hendaklah ditampalkan di satu atau lebih tempat yang mudah dilihat di lombong itu.

(7) Suatu salinan arahan-arahan bertulis yang berkuatkuasa yang diperakui betul oleh pengurus hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang.

(8) Jika apa-apa arahan bertulis di bawah seksyen ini tak konsisten dengan Akta ini, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi setakat ketakkonsistenan itu.

Pelan
hendaklah
diberikan.

16. (1) Pengurus mana-mana lombong hendaklah menyimpan di pejabat lombong itu pelan-pelan pengerjaan lombong yang tepat yang dibuat daripada pengukuran sebenar mengikut cara yang ditetapkan dan, pada lat tempoh tidak melebihi enam bulan, apa-apa pengerjaan tambahan atau perluasan yang dibuat sejak pengukuran dahulu dilakukan hendaklah diukur dan ditandakan di atas pelan-pelan itu, dan tiada apa-apa pengerjaan itu boleh ditimbus atau dibiarkan tidak diperbaiki sebelum ianya telah diukur dan ditandakan sedemikian.

(2) Jika sesuatu pelan lombong dikemaskinikan, pengurus hendaklah memberi kepada Penolong Pengarah salinan pelan itu yang diperakui yang menunjukkan di atasnya pengerjaan-pengerjaan yang dijalankan sejak pelan terakhir dikemukakan.

(3) Suatu salinan pelan itu yang diperakui hendaklah disimpan oleh Penolong Pengarah di pejabatnya dan tiada salinan atau surihannya boleh diberikan, atau

maklumat berhubungan dengannya diberikan, atau pelan itu dibuka untuk pemeriksaan melainkan jika kebenaran Penolong Pengarah telah diperolehi.

(4) Jika, apabila menerima mana-mana pelan itu Penolong Pengarah tidak berpuas hati dengan ketepatan atau kesempurnaan pelan itu dia boleh, mengikut budi bicaranya, memerintahkan supaya suatu pengukuran dibuat di bawah arahnya tentang pengerjaan-pengerjaan lombong itu oleh seorang juruukur yang dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atas perbelanjaan pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong itu.

(5) Pengurus hendaklah menyediakan pelan-pelan itu di lombong bilamasa diminta oleh mana-mana pegawai galian dan pengurus hendaklah, jika diminta sedemikian, menandakan di atas pelan-pelan itu kemajuan pengerjaan-pengerjaan lombong itu pada masa pengemukaan, dan hendaklah membenarkan pegawai galian itu memeriksa dan mengambil suatu salinannya.

17. (1) Pengurus sesuatu lombong hendaklah menyimpan buku-buku rekod, mengikut bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat yang ditetapkan, berkenaan dengan pengendalian lombong itu.

Buku rekod mengenai pengendalian.

(2) Buku-buku rekod itu hendaklah—

- (a) disimpan semata-mata bagi maksud memasukkan laporan-laporan dan rekod-rekod yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (b) tersedia pada bila-bila masa yang munasabah bagi pemeriksaan mana-mana pegawai galian; dan
- (c) disimpan kemaskini dan dalam aturan dan keadaan yang baik.

(3) Bilamasa seseorang pegawai galian telah memeriksa sesuatu lombong atau apa-apa kerja berkaitan dengannya, dia hendaklah memasukkan ke dalam suatu buku rekod suatu ringkasan pemeriksaannya dan apa-apa kehendak yang diperlukan.

(4) Walau apa pun yang terkandung dalam atau tertinggal daripada laporan pegawai galian itu, laporan itu tidaklah boleh digunakan bagi menghadkan tanggungjawab pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus di bawah Akta ini.

(5) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mengenakan obligasi ke atas pengurus untuk menyimpan buku-buku rekod atau salinan-salinannya lebih dari dua belas bulan selepas buku-buku rekod itu telah terhenti digunakan bagi membuat apa-apa catatan di dalamnya melainkan jika Penolong Pengarah telah secara bertulis menghendaki mana-mana buku rekod disimpan bagi suatu tempoh yang lebih panjang.

Air effluen.

18. (1) Mana-mana pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus yang menggunakan air berkaitan dengan perlombongan hendaklah mengambil apa-apa langkah bagi memastikan bahawa air yang digunakan sedemikian hendaklah, sebelum ia meninggalkan lombong atau kawasan pembendungan buangan itu yang di dalamnya ia telah digunakan, mematuhi apa-apa standard kualiti air yang ditetapkan dan jika apa-apa standard telah tidak ditetapkan air itu hendaklah semunasabahnya bebas daripada bahan pepejal dan daripada kimia dan bahan lain yang berbahaya kepada kehidupan manusia, haiwan atau tumbuh-tumbuhan.

(2) Penolong Pengarah hendaklah, apabila menerima suatu aduan yang dibuat secara bertulis memerihalkan kegagalan mana-mana orang untuk mematuhi peruntukan subseksyen (1), menyiasat mengenai aduan itu, dan boleh pada bila-bila masa memerintahkan orang yang diadukan itu untuk—

- (a) mengusahakan langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa standard kualiti air dipatuhi; atau
- (b) menggantungkan perlombongan sehingga apa-apa langkah diambil untuk mematuhi standard kualiti air.

(3) Apa-apa langkah yang diambil untuk mematuhi suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) tidak berkuatkuasa untuk melepaskan mana-mana orang daripada apa-apa liabiliti yang berbangkit di bawah subseksyen (1).

19. (1) Tiap-tiap orang yang mengusahakan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau perlombongan hendaklah mengambil apa-apa langkah yang munasabah untuk mencegah atau mengurangkan hakisan tanah yang menjadi subjek tenemen mineral dan kesan-kesannya. Hakisan.

(2) Bilamasa diarahkan oleh Penolong Pengarah, tiap-tiap pemegang sesuatu tenemen mineral dan pengurusnya hendaklah menyediakan dan menyenggara apa-apa kerja pembendungan atau tempat lain sebagaimana yang diperlukan dan mencukupi untuk mencegah keluaran hakisan daripada dibuangkan ke dalam mana-mana sungai atau sistem saliran.

20. (1) Sebelum mana-mana pengendalian melombong ditinggalkan atau diberhentikan, suatu notis bertulis hendaklah diberikan tiga bulan sebelum peninggalan atau pemberhentian yang dicadangkan itu oleh pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus kepada Penolong Pengarah dan kepada Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi. Peninggalan lombong.

(2) Jika mana-mana lombong hendak ditinggalkan, pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus itu hendaklah menyebabkan dibuat suatu pelan yang tepat, sehingga Pengarah berpuas hati, menunjukkan pengerjaan-pengerjaan lombong itu sehingga waktu peninggalan dan salinan-salinan pelan itu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah dan Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi dalam masa satu bulan selepas peninggalan itu.

(3) Jika sesuatu atau sebahagian daripada sesuatu lombong hendak ditinggalkan, pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau

pengurus itu hendaklah memagar atau menutup dengan selamatnya tiap-tiap lubang lombong atau kolong dan pemegang lesen atau pajakan dan pengurus itu hendaklah terus bertanggungjawab sendiri bagi pematuhan sewajarnya peruntukan ini sehingga Pengarah telah mengesahkan secara bertulis bahawa kerja itu telah dilaksanakan dengan sepatutnya, walaupun lombong itu atau sebahagian daripada lombong itu telah ditinggalkan.

(4) Lombong dan kawasan pembendungan buangan yang ditinggalkan hendaklah dijadikan selamat mengikut cara yang ditetapkan.

BAHAGIAN IV

KEMALANGAN DAN SIASATAN

Prosiding
apabila
berlaku
kemalangan
dan kejadian
berbahaya.

21. (1) Jika—

- (a) apa-apa kemalangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan badan yang teruk kepada mana-mana orang; atau
- (b) apa-apa kemalangan yang mengakibatkan kerosakan kepada mana-mana harta,

telah berlaku berkaitan dengan mana-mana kerja bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu tenemen mineral, pengurus, mana-mana orang lain yang menjaga lombong atau pemegang tenemen mineral itu hendaklah dengan serta-merta melaporkan secara bertulis kepada Penolong Pengarah fakta-fakta perkara itu setakat ianya diketahui.

(2) Penolong Pengarah hendaklah—

- (a) terus melawat tempat di mana kemalangan itu telah berlaku;
- (b) memerintahkan semua pengerjaan terhenti daripada dikendalikan dengan seberapa segera yang mungkin;

- (c) membuat suatu siasatan hal keadaan itu dan merekodkan dapatan siasatan itu; dan
- (d) menghantar dengan serta-merta suatu laporan siasatan itu kepada Pengarah.

(3) Tempat di mana kemalangan itu telah berlaku hendaklah dibiarkan sebagaimana keadaannya selepas sahaja kemalangan itu sehingga penyiasatan telah diselesaikan:

Dengan syarat bahawa kerja menyelamatkan atau apa-apa kerja yang perlu bagi keselamatan am orang yang diambil kerja di dalamnya atau bagi mendapatkan kembali mayat hendaklah tidak dilengahkan.

(4) Tiada kerja boleh disambung semula sehingga kebenaran secara bertulis telah diperolehi daripada Penolong Pengarah.

(5) Apabila menerima laporan yang diberikan oleh Penolong Pengarah, jika ternyata kepada Pengarah bahawa terdapat sebab untuk mempercayai bahawa kemalangan itu telah disebabkan oleh apa-apa kegagalan mematuhi apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan di bawah seksyen 15 atau apa-apa perintah yang diberikan oleh mana-mana pegawai galian di bawah Akta ini dan Pengarah berpendapat bahawa kemalangan itu mungkin boleh dicegah jika langkah berjaga-jaga yang wajar telah diambil dan dipatuhi, dia hendaklah mengemukakan laporan Penolong Pengarah itu beserta dengan syor-syornya tentang mengadakan suatu siasatan kepada Ketua Pengarah.

(6) Ketua Pengarah hendaklah mempertimbangkan laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (5) dan memutuskan sama ada hendak mengadakan suatu siasatan.

22. (1) Jika Ketua Pengarah memutuskan untuk mengadakan suatu siasatan, dia hendaklah melantik seorang pegawai galian dan jika perlu mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan undang-undang atau pengetahuan khas untuk membantunya dalam siasatan itu.

Prosedur
bagi
siasatan.

(2) Pegawai galian itu boleh membuka siasatan itu atau mana-mana bahagian siasatan itu kepada orang awam dan hendaklah menjalankannya mengikut cara yang difikirkannya paling berkesan untuk menentukan sebab kemalangan itu dan dia hendaklah kemudiannya mengemukakan suatu laporan siasatan itu melalui Ketua Pengarah kepada Menteri.

(3) Dalam menjalankan siasatan, pegawai galian itu hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:

- (a) untuk memperolehi dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa mana-mana orang sebagai saksi sebagaimana yang difikirkan perlu atau wajar oleh pegawai galian itu untuk diperolehi atau diperiksa;
- (b) untuk menghendaki keterangan, bertulis atau lisan, mana-mana saksi dibuat atas sumpah atau ikrar (apa-apa sumpah atau ikrar itu hendaklah yang boleh dikehendaki daripada saksi itu jika dia memberi keterangan di Mahkamah Tinggi) atau melalui pengakuan berkanun; dan
- (c) untuk memanggil mana-mana orang untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya dan untuk memeriksanya sebagai seorang saksi atau menghendakinya supaya mengemukakan apa-apa dokumen atau benda dalam milikannya.

(4) Jika pegawai galian itu berpuas hati bahawa seseorang yang, di bawah subseksyen (3)—

- (a) setelah dipanggil menghadiri mana-mana siasatan itu, tidak berbuat demikian;
- (b) setelah dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain, tidak berbuat demikian; atau
- (c) setelah dikehendaki untuk menjawab apa-apa soalan, enggan berbuat demikian,

dia boleh memperakui secara bertulis ketakhadiran atau untuk ketakpengemukaan dokumen atau keengganan untuk menjawab soalan-soalan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan memaklumkan Majistret dengan sewajarnya.

(5) Seseorang yang memberi keterangan di bawah seksyen ini hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak keterangan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab apa-apa soalan.

(6) Jika suatu perakuan diberikan di bawah subseksyen (4), Majistret hendaklah menyiasat kes itu dan, jika dia berpuas hati bahawa orang yang baginya perakuan itu berhubungan telah, tanpa alasan yang munasabah, tidak menghadiri atau tidak atau enggan mematuhi kehendak yang disebutkan dalam perakuan itu dia hendaklah memerintahkan orang itu supaya hadir atau supaya mematuhi kehendak itu di suatu perbicaraan di hadapan pegawai galian yang mengadakan siasatan itu pada suatu masa dan tempat yang dinyatakan dalam perintah itu.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN, PENYIASATAN, KETERANGAN, KESALAHAN DAN PENALTI

Bab 1—Penguatkuasaan dan Penyiasatan

23. Seseorang pegawai galian boleh bagi maksud menguatkuasakan Akta ini—

Penguatkuasaan oleh pegawai galian.

(a) meminta dan memeriksa apa-apa buku, dokumen, suratcara atau rekod dan membuat salinan-salinannya atau mengambil cabutan-cabutan daripada buku, dokumen, suratcara atau rekod itu yang ada dalam jagaan atau kawalan mana-mana orang mengenai apa-apa perkara di bawah Akta ini;

- (b) melawat, memasuki, menyiasat dan memeriksa dengan atau tanpa notis terlebih dahulu mana-mana kawasan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau kemudahan penyimpanan atau lombong atau loji pemprosesan mineral pada bila-bila masa tetapi tidaklah boleh dengan tak perlu menggalang atau menghalang apa-apa kerja di dalamnya;
- (c) menyiasat berkenaan dengan mana-mana kawasan. pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau kemudahan penyimpanan atau lombong atau loji pemprosesan mineral mengenai—
 - (i) kedudukan dan keadaan mana-mana kawasan atau loji itu;
 - (ii) apa-apa kemalangan atau kejadian berbahaya;
 - (iii) apa-apa perkara atau benda berkaitan dengan atau berhubungan dengan keselamatan atau kesihatan mana-mana orang atau yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan kepada harta atau suatu kacau ganggu;
 - (iv) kesan mana-mana pengendalian atau amalan ke atas kemudahan mana-mana kawasan atau tempat; atau
 - (v) pematuhan mana-mana peruntukan Akta ini;
- (d) mengambil langkah-langkah untuk memastikan penggunaan langkah berjaga-jaga yang sewajarnya dalam segala aktiviti pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan, penyimpanan atau pemprosesan mineral bagi mencegah kerosakan atau bahaya kepada nyawa atau harta;
- (e) menghendaki mana-mana orang yang dijumpainya dalam sesuatu kawasan di mana pemfosikan, pendulangan, penjelajahan,

perlombongan, penyimpanan atau pemrosesan mineral dijalankan untuk menyatakan identiti dan maksudnya, dan memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Akta ini dan dalam kuasa orang itu untuk memberi; dan

- (f) mengambil sampel apa-apa bahan sama ada pepejal, cecair atau gas dalam atau sedang dilepaskan ke dalam atau dari mana-mana kawasan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau kemudahan penyimpanan atau lombong atau loji pemrosesan mineral.

24. (1) Seseorang pegawai galian hendaklah mempunyai kuasa untuk menyasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini. Kuasa untuk menyasat.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh seseorang pegawai galian untuk memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau artikel lain berhubungan dengan pelakuan apa-apa kesalahan yang dalam kuasa orang itu untuk memberi adalah terikat di sisi undang-undang untuk memberi maklumat atau mengemukakan dokumen atau artikel lain itu.

25. (1) Seseorang pegawai galian yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh melalui perintah secara bertulis menghendaki mana-mana orang yang tampak pada pegawai galian itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes.

(2) Jika mana-mana orang itu tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai galian itu boleh melaporkan ketidakhadiran itu kepada Majistret yang boleh sesudah itu mengikut budi bicaranya mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu.

(3) Seseorang yang hadir sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) adalah berhak dibayar perbelanjaan perjalanan dan sara hidup yang

munasabah yang dilakukan olehnya dan adalah sah bagi Ketua Pengarah membayar perbelanjaan itu.

Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.

26. (1) Seseorang pegawai galian yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

(2) Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai galian itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya akan cenderung ke arah mendedahkannya kepada suatu pertuduhan atau penalti jenayah atau pelucuthakan,

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan.

(4) Pegawai galian yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu telah dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuatnya dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, dan jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani atau mengesahkan

cap ibu jarinya atas pernyataan itu, pegawai galian itu hendaklah mengendorskan padanya di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

27. (1) Seseorang pegawai galian boleh tanpa waran—

Kuasa menangkap, menyita dan menyiasat.

(a) menangkap mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini; dan

(b) menyita apa-apa benda yang difikirkannya perlu disita berhubungan dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan berlakunya mana-mana kesalahan itu.

(2) Seseorang pegawai galian yang membuat penangkapan di bawah perenggan (1)(a) hendaklah tanpa kelengahan yang tak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang terdekat atau, jika tidak ada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang terdekat, dan selepas itu orang yang ditangkap seperti disebut terdahulu hendaklah diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan prosedur jenayah yang sedang berkuatkuasa seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.

28. (1) Jika ternyata kepada Majistret, atas maklumat secara bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa dalam mana-mana bangunan atau tempat atau di atas mana-mana tanah ada disembunyikan atau didepositkan apa-apa mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan, Majistret itu boleh mengeluarkan waran memberikuasa kepada mana-mana pegawai galian yang kepadanya waran itu diarahkan, pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan, memasuki bangunan, tempat atau tanah

Menggeledah dengan waran.

itu dan di situ menggeledah dan menyita apa-apa mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah atau disyaki telah dilakukan dan apa-apa jentera, buku, dokumen atau benda-benda lain yang semunasabahnya dipercayai memberi bukti pelakuan kesalahan itu.

(2) Mana-mana pegawai galian yang bertindak di bawah subseksyen (1) boleh jika perlu berbuat demikian—

- (a) memecahkan mana-mana pintu luar atau pintu dalam bangunan atau mana-mana premis lain dan memasukinya;
- (b) dengan menggunakan kekerasan memasuki tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) dengan menggunakan kekerasan memindahkan apa-apa galangan terhadap kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pemindahan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah subseksyen (1); dan
- (d) memecahkan apa-apa bekas untuk memeriksa kandungannya.

(3) Pegawai galian yang menyita mana-mana mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) dengan serta-merta meletakkan pada mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda itu suatu tanda yang menunjukkan bahawa ia telah disita;
- (b) menyediakan suatu senarai benda yang disita dan, dengan serta-merta, atau dengan seberapa segera yang praktik, menyerahkan satu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemunya atau orang yang daripadanya benda itu disita yang berada di bangunan atau premis itu dan

jika bangunan atau premis itu tidak dihuni, pegawai galian itu hendaklah, di mana-mana mungkin, menampalkan suatu senarai benda yang disita itu di bangunan atau di premis itu;

- (c) dengan serta-merta melaporkan penyitaan itu kepada Pengarah; dan
- (d) jika praktik, memindahkan benda yang disita itu, dengan seberapa segera yang mungkin, bagi penjagaannya.

29. Jika ternyata kepada seseorang pegawai galian bahawa terdapat sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa dalam mana-mana bangunan atau tempat atau di atas mana-mana tanah ada disembunyikan atau didepositkan apa-apa mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan, dan jika dia mempunyai sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan mendapatkan suatu waran menggeledah di bawah seksyen 28 mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda itu mungkin akan dipindahkan atau dimusnahkan, dia boleh menjalankan dalam, atas dan berkenaan dengan bangunan, tempat atau tanah itu semua kuasa yang disebutkan dalam seksyen 28 dengan cara yang penuh dan secukupnya seolah-olah dia telah diberikuasa berbuat demikian oleh waran di bawah seksyen itu.

Menggeledah
tanpa waran.

30. Jika apa-apa benda telah disita di bawah Akta ini, Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya, memulangkan untuk sementara benda itu kepada pemunya atau orang yang daripadanya benda itu disita tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Pengarah, dan tertakluk dalam apa-apa hal kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga memuaskan hatinya bahawa benda itu akan diserahkan kepadanya apabila diminta atau dibawa di hadapan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten.

Pemulangan
sementara
benda yang
disita.

Pelucuthakan
benda yang
disita.

31. (1) Apa-apa benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau bagi pelepasan apa-apa benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengan benda itu telah diadakan dan suatu perintah bagi pelucuthakan benda itu hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa benda itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthakkan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis kepada orang yang daripadanya benda itu disita yang menunjukkan bahawa tidak ada pendakwaan dibuat berkenaan dengan benda itu, melainkan jika sebelum tarikh itu suatu tuntutan terhadapnya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5) dan (6).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya benda yang disebutkan dalam subseksyen (3) dan bahawa benda itu bukanlah benda yang boleh dilucuthakkan boleh memberikan notis bertulis secara sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis kepada pegawai galian yang dalam milikannya benda itu disimpan bahawa dia menuntut benda itu.

(5) Apabila menerima notis yang disebutkan dalam subseksyen (4), pegawai galian itu hendaklah merujukkan tuntutan itu kepada Pengarah yang—

(a) boleh memerintahkan supaya benda itu dilepaskan; atau

(b) boleh mengarahkan pegawai galian itu merujuk perkara itu kepada seorang Majistret bagi keputusan.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujuk di bawah perenggan (5)(b) hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya benda itu dan orang yang daripadanya benda itu disita supaya hadir di hadapan Majistret itu dan apabila mereka hadir atau jika mereka ingkar hadir, setelah dibuktikan penyampaian wajar saman itu, Majistret itu hendaklah terus memeriksa perkara itu dan apabila terbukti bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa benda itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilucuthakkan dan jika tidak terbukti sedemikian hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan.

(7) Apa-apa benda yang terlucuthak atau yang disifatkan telah terlucuthak hendaklah diserahkan kepada Pengarah dan hendaklah dilupuskan oleh Pengarah—

(a) mengikut arahan Majistret; atau

(b) mengikut cara yang difikirkannya patut.

(8) Jika apa-apa benda yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Akta ini adalah daripada jenis yang mudah musnah atau adalah tertakluk kepada reput yang cepat dan semulajadi atau jika penjagaan benda itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tak munasabah, atau dipercayai menyebabkan penggalangan atau bahaya kepada awam, Pengarah boleh mengarahkan supaya benda itu dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang sementara menanti keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

32. Jika apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini disimpan dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu selesainya apa-apa prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, kos memegang benda itu

Kos
memegang
benda yang
disita.

dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati melakukan sesuatu kesalahan, menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan bolehlah didapatkan kembali dengan sewajarnya.

Tiada kos atau gantirugi boleh didapati berbangkit daripada penyitaan.

33. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau berupa menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau mendapat apa-apa gantirugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu telah dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa untuk memberhentikan dan mengeledah alat pengangkutan.

34. (1) Jika mana-mana pegawai galian mempunyai syak yang munasabah bahawa mana-mana alat pengangkutan sedang membawa apa-apa benda yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa alat pengangkutan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga alat pengangkutan itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai galian itu—

- (a) memberhentikan alat pengangkutan itu dan membenarkan pegawai galian itu memeriksanya; dan
- (b) membuka semua bahagian alat pengangkutan itu, termasuk bekas-bekas di dalamnya atau di atasnya, untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan penjalanan pemeriksaan sebagaimana pegawai galian itu dapati perlu dibuat.

(3) Mana-mana orang yang tidak atau enggan bekerjasama dengan pegawai galian itu untuk memberhentikan alat pengangkutan atau menjalankan suatu penggeledahan ke atas alat pengangkutan itu adalah melakukan suatu kesalahan.

Bab 2—Keterangan

35. Dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pengarah menyatakan—

Perakuan tentang nilai mineral atau keluaran mineral, dsb.

- (a) nilai apa-apa mineral atau keluaran mineral;
- (b) amaun fee, royalti, premium dan caj-caj lain yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa mineral atau keluaran mineral; atau
- (c) kos memperbaiki apa-apa kerosakan yang dilakukan oleh seseorang pesalah,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai nilai, fee, royalti, premium, caj atau kos itu, tanpa bukti mengenai tandatangan Pengarah bagi perakuan itu.

36. Mana-mana pegawai galian boleh, tanpa bayaran, mengambil suatu sampel apa-apa mineral yang perlu dan munasabah untuk diperiksa dan diuji dan sampel yang diambil sedemikian hendaklah diterima dalam mana-mana mahkamah, dalam ketiadaan apa-apa keterangan lain, sebagai mewakili sumber bahan yang daripadanya sampel itu telah diambil.

Sampel.

37. (1) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah Akta ini, suatu perakuan analisis yang dikatakan di bawah tandatangan seorang penganalisis hendaklah, apabila dikemukakan perakuan itu oleh pegawai pendakwa, menjadi keterangan yang mencukupi tentang fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya melainkan jika penganalisis itu adalah dikehendaki hadir sebagai seorang saksi—

Perakuan analisis.

- (a) oleh mahkamah; atau
- (b) oleh tertuduh, dalam hal mana tertuduh hendaklah memberikan notis kepada pegawai pendakwa tidak kurang dari tiga hari genap sebelum bermulanya perbicaraan itu:

Dengan syarat sentiasanya bahawa dalam mana-mana hal di mana pegawai pendakwa bercadang untuk memberi sebagai keterangan mana-mana laporan itu dia hendaklah menghantar suatu salinannya kepada tertuduh tidak kurang dari sepuluh hari genap sebelum bermulanya perbicaraan itu.

(2) Dalam seksyen ini, "penganalisis" ertinya—

- (a) seseorang yang pada masa ini diambil kerja sepenuhnya atau sebahagiannya dalam kerja analitis kimia atau fizik berhubungan dengan mineral di Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia atau oleh Kerajaan; atau
- (b) seseorang yang menjalankan kerja analisis kimia atau fizik berhubungan dengan mineral dan diambil kerja oleh sebuah makmal yang diiktiraf oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia.

(3) Jika mana-mana penganalisis dipanggil oleh tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (1), dia hendaklah dipanggil atas perbelanjaan tertuduh melainkan jika mahkamah mengarahkan selainnya.

Perlindungan
informer.

38. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah berkewajipan atau dibenarkan mendedah nama atau alamat mana-mana informer atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa dirinya diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau surat yang di bawah keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa pencatatan yang menamakan atau memperihalkan informer atau yang mungkin membawa kepada dirinya diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan segala petikan tersebut disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan setakat ianya perlu untuk melindungi informer itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini mahkamah selepas siasatan penuh ke atas kes itu mempercayai bahawa informer itu dengan sengaja membuat dalam pengaduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak mempercayai sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak boleh dijalankan sepenuhnya antara pihak-pihak terhadap prosiding itu tanpa identiti informer itu diketahui, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki supaya aduan asal jika bertulis dikemukakan, dan membenarkan siasatan, dan menghendaki pendedahan sepenuhnya, mengenai informer itu.

Bab 3—Kesalahan dan Penalti

39. Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan seksyen 9, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19 atau 20 Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan. Pelbagai kesalahan.
40. Mana-mana pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong yang tidak mengemukakan suatu skim pengendalian melombong atau mematuhi skim pengendalian melombong yang diluluskan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Penalti kerana tidak mengemukakan atau mematuhi skim pengendalian melombong.
41. (1) Mana-mana orang dengan sengaja merosakkan mana-mana lubang lombong, aras, kekolong atau korekan yang telah ditinggalkan atau menjadikannya tak berguna oleh pemindahan apa-apa kayu, pagar, selongsong, lapisan, tangga, pelantar atau perkakas lain yang disediakan dalam atau dekat dengannya atau memindahkan mana-mana bahagian timbunan atau lambakan di mulut mana-mana lubang lombong sehingga mengurangkan atau memusnahkan kegunaannya bagi melindungi orang atau haiwan daripada terjatuh ke dalam lubang lombong itu adalah melakukan suatu kesalahan. Kesalahan berhubung dengan perlindungan lubang lombong tertinggal, dsb.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini untuk memperbaiki atau menggantikan atas perbelanjaannya sendiri mana-mana kayu, pagar, selongsong, lapisan, tangga, pelantar, perkakas, timbunan atau lambakan yang telah dirosakkan atau dipindahkan itu.

Mengganggu, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang disita.

42. Mana-mana orang yang mengganggu, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Penalti kerana tidak mematuhi perintah yang sah.

43. Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa perintah bertulis yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai galian adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan berkenaan dengan maklumat.

44. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) mengemukakan maklumat palsu dalam apa-apa permohonan, laporan atau dokumen lain di bawah Akta ini;
- (b) memberikan atau menyebabkan supaya diberikan kepada mana-mana pegawai galian apa-apa butir, maklumat atau pernyataan palsu berkenaan dengan apa-apa perkara yang pegawai itu menghendaki diberikan di bawah Akta ini;
- (c) enggan menjawab atau memberi suatu jawapan palsu kepada apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh mana-mana pegawai galian bagi maksud mendapatkan apa-apa butir, maklumat atau pernyataan yang dikehendaki diberikan di bawah Akta ini;
- (d) melancung, memalsukan atau menggunakan apabila dilancarkan atau dipalsukan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Akta ini atau

apa-apa suratcara yang digunakan dalam menjalankan apa-apa urusan atau perkara di bawah Akta ini;

- (e) mengubahpinda apa-apa dokumen atau suratcara atau melancung meterai, tandatangan, tandatangan ringkas atau tanda-tanda lain bagi atau yang digunakan oleh mana-mana pegawai galian bagi penentusahan mana-mana dokumen atau suratcara itu atau bagi apa-apa maksud lain dalam menjalankan apa-apa urusan atau perkara di bawah Akta ini;
- (f) memperdaya mana-mana pegawai galian, secara fraud atau selainnya, dengan mengeluarkan apa-apa dokumen atau membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa catatan dalam apa-apa buku, dokumen atau suratcara yang disimpan bagi maksud Akta ini untuk membolehkan mana-mana orang menggerakkan, mengangkut, menghantar atau mengeksport bijih mineral mengikut apa-apa cara selain daripada cara yang ditetapkan;
- (g) membuat atau cuba untuk membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa catatan tak betul dalam apa-apa buku, dokumen atau suratcara yang disimpan bagi maksud Akta ini;
- (h) menggunakan atau cuba untuk menggunakan apa-apa kesilapan dalam apa-apa buku, dokumen atau suratcara, atau apa-apa catatan tak betul dalam apa-apa buku, dokumen atau suratcara yang disimpan bagi maksud Akta ini; atau
- (i) tidak atau enggan mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh mana-mana pegawai galian,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen ini, apabila telah dibuktikan bahawa apa-apa permohonan, maklumat, pernyataan, buku, dokumen atau suratcara adalah palsu, tak betul, mengelirukan atau dilancarkan keseluruhannya atau sebahagiannya tentang apa-apa butir material, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa permohonan, maklumat, pernyataan, buku, dokumen atau suratcara itu adalah palsu, tak betul, mengelirukan atau dilancarkan tentang sesuatu butir material, mengikut kehendak keadaan, kepada pengetahuan orang yang membekalnya:

Dengan syarat bahawa orang itu tidaklah boleh didapati melakukan suatu kesalahan jika dia membuktikan bahawa dia telah bertindak dengan suci hati dan tidak ada alasan yang munasabah untuk menyangka bahawa permohonan, maklumat, pernyataan, buku, dokumen atau suratcara itu adalah palsu, tak betul, mengelirukan atau dilancarkan.

Kehilangan
atau
kebinasaan
apa-apa
benda yang
disita.

45. Mana-mana orang yang menyebabkan kehilangan atau kebinasaan apa-apa benda yang hendak disita di bawah Akta ini dengan niat untuk mencegah penyitaannya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Perbuatan
cuai.

46. Mana-mana orang yang—

(a) apabila diambil kerja dalam atau dekat dengan sesuatu lombong atau tapak penjelajahan melakukan apa-apa perbuatan mengikut cara yang mungkin boleh menyebabkan bahaya atau kerosakan kepada mana-mana orang dalam atau dekat dengan lombong atau tapak penjelajahan itu atau tidak mengambil apa-apa langkah berjaga-jaga yang perlu bagi memastikan keselamatan mana-mana orang dalam atau dekat dengan tempat itu; atau

- (b) melainkan jika dibenarkan dengan sewajarnya bagi maksud itu memindahkan, mengubahpinda atau menjadikan tak berkesan apa-apa benda dalam atau dekat dengan sesuatu lombong atau tapak penjelajahan yang disediakan bagi keselamatan, kesihatan atau kesejahteraan mana-mana orang,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

47. Mana-mana orang yang menggalang, menghalang, menyerang atau mengganggu mana-mana pegawai galian dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan. Menggalang pegawai galian.

48. Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa maklumat sulit dengan melanggar seksyen 58 atau 59 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Penggunaan maklumat sulit.

49. Mana-mana orang yang, dalam berupa sebagai menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta ini, secara menyusahkan dan tak perlu menyita atau menahan apa-apa mineral, keluaran mineral, alat pengangkutan, kelengkapan, buku, dokumen atau benda lain adalah melakukan suatu kesalahan. Penyalahgunaan kuasa.

50. Mana-mana orang yang cuba untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu. Percubaan dan persubahatan.

51. Jika seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini adalah suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, adalah seorang pengarah urusan, pengurus atau pegawai Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

serupa itu yang lain dalam pertubuhan perbadanan itu, boleh dipertuduh bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu, dan jika pertubuhan perbadanan itu disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduhkan, maka tiap-tiap pengarah urusan, pengurus atau pegawai itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu diakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmat.

52. Mana-mana orang yang akan boleh dikenakan apa-apa penalti di bawah Akta ini kerana apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan sekiranya perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmatnya melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.

Penalti bagi kesalahan yang berterusan.

53. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh, dalam hal sesuatu kesalahan berterusan, sebagai tambahan kepada apa-apa denda yang diperuntukkan di bawah Akta ini, didenda selanjutnya dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian dari sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Penalti am.

54. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan.

55. (1) Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah boleh mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini,

yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah apa-apa amaun tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu dibuat; dan
- (b) apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta.

(4) Kuasa untuk mengkompaunkan kesalahan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan sendiri oleh Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah.

Bab 4—Am

56. (1) Tiada prosiding bagi, atau berhubungan dengan, apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.

Pemulaan
prosiding
dan
penjalanan
pendakwaan.

(2) Mana-mana pegawai galian yang diberikuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Mendapatkan kembali wang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

57. Apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kerajaan di bawah Akta ini boleh didapatkan kembali oleh Kerajaan melalui prosiding sivil sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Larangan terhadap pendedahan maklumat.

58. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4), tiada apa-apa maklumat yang terkandung dalam apa-apa laporan yang dikemukakan sebagaimana dikehendaki oleh mana-mana pejabat atau pegawai Kerajaan berkenaan dengan mana-mana lesen mencarigali atau lesen penjelajahan boleh didedahkan oleh pejabat atau pegawai itu—

(a) selama tempoh tiga tahun dari tarikh laporan itu dikemukakan; atau

(b) selama tempoh satu tahun dari tarikh habis tempoh lesen itu,

mengikut mana-mana tempoh yang mula-mula habis tempoh sedemikian, kecuali dengan keizinan bertulis pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), tiada maklumat yang terkandung dalam apa-apa laporan yang dikemukakan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana pejabat atau pegawai Kerajaan berkenaan dengan mana-mana lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong boleh didedahkan oleh pejabat atau pegawai itu selama tempoh satu tahun dari tarikh habis tempoh lesen atau pajakan itu kecuali dengan keizinan bertulis pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong itu.

(3) Segala maklumat yang dikemukakan bagi menyokong sesuatu permohonan bagi suatu tenemen mineral atau bagi pembaharuannya dan dibekalkan kepada mana-mana pejabat atau pegawai Kerajaan hendaklah disimpan sulit oleh pejabat atau pegawai itu—

- (a) jika permohonan itu ditolak, selama tempoh enam bulan dari tarikh penolakan itu; atau
- (b) jika permohonan itu diluluskan, selama tempoh enam bulan dari tarikh habis tempoh lesen atau pajakan itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1), (2) atau (3) boleh berkuatkuasa untuk menghalang pendedahan maklumat jika pendedahan itu dibuat—

- (a) bagi atau berkaitan dengan pentadbiran sewajarnya Akta ini;
- (b) bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang;
- (c) bagi maksud apa-apa penyiasatan atau siasatan yang dijalankan di bawah Akta ini;
- (d) kepada mana-mana perunding kepada Kerajaan atau kepada mana-mana pegawai yang diluluskan secara bertulis oleh Menteri sebagai orang yang layak untuk menerima maklumat itu; atau
- (e) bagi atau berkaitan dengan penyediaan perangkaan oleh Kerajaan berkenaan dengan pengendalian penjelajahan atau perlombongan.

59. (1) Mana-mana pegawai galian yang bertanggungjawab bagi pentadbiran Akta ini yang mempunyai apa-apa maklumat yang jika diketahui secara umum mungkin semunasabahnya dijangkakan akan menyentuh secara material sesuatu aktiviti penjelajahan atau perlombongan yang—

Larangan penyalahgunaan maklumat yang didapati atas sifat rasmi.

- (a) dipegangnya oleh sebab sifat rasminya atau sifat rasminya yang dahulu; dan

- (b) adalah munasabah untuk menjangka tidak akan didedahkan oleh seseorang yang mempunyai atau pernah mempunyai sifat rasminya itu melainkan bagi pelaksanaan sepatutnya fungsi-fungsi yang bersangkutan dengan sifat rasmi itu,

tidak boleh menggunakan maklumat sedemikian dengan cara tak patut untuk memperolehi, secara langsung atau tak langsung, manfaat bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain.

Kad kuasa. 60. (1) Tiap-tiap pegawai galian yang diberi kuasa untuk bertindak di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya pegawai galian itu bertindak atau yang daripadanya pegawai galian itu meminta apa-apa maklumat kad kuasanya yang dikeluarkan secara rasmi kepadanya oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang boleh enggan mematuhi apa-apa permintaan, kehendak atau perintah mana-mana pegawai galian yang bertindak di bawah Akta ini jika pegawai galian itu enggan menyatakan jawatannya dan mengemukakan kad kuasanya apabila diminta oleh orang itu.

Perlindungan pegawai. 61. Tiada pegawai galian yang bertanggungjawab bagi pentadbiran Akta ini boleh menanggung apa-apa liabiliti persendirian bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalannya dalam menjalankan kewajipan-kewajipan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya melainkan jika kerugian atau kerosakan itu telah disebabkan dengan sengaja atau oleh perbuatan melulu atau kecuaiian melampau.

Penyampaian notis. 62. (1) Apa-apa notis yang dikehendaki diberikan atau disampaikan di bawah Akta ini boleh, melainkan jika apa-apa cara penyampaian yang lain ditetapkan, dihantar melalui pos berdaftar kepada orang yang terjejas olehnya.

(2) Jika sesuatu notis disampaikan melalui pos berdaftar, ia hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan pada hari yang berikutan hari notis itu sepatutnya diterima, dalam perjalanan biasa pos, jika notis itu dialamatkan—

- (a) dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia, kepada pejabat berdaftar syarikat itu;
- (b) dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia, sama ada kepada individu yang diberikuasa untuk menerima penyampaian proses di bawah Akta Syarikat 1965, di alamat yang difailkan dengan Pendaftar Syarikat atau kepada pejabat berdaftar syarikat itu, di mana jua letaknya; Akta 125
- (c) dalam hal seorang individu atau kumpulan orang, kepada alamat perniagaan atau alamat persendirian individu atau kumpulan orang itu yang terakhir diketahui.

(3) Jika seseorang yang padanya dialamatkan surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis yang boleh diberikan di bawah Akta ini diberitahu tentang hakikat bahawa adanya surat berdaftar yang menantinya di pejabat pos, dan orang itu enggan atau mengabaikan untuk mengambil surat berdaftar itu, notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepadanya pada tarikh yang dia dimaklumkan sedemikian.

BAHAGIAN VII

PERATURAN-PERATURAN

63. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan apa-apa perkara yang ditetapkan di bawah Akta ini. Peraturan-peraturan.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan tersebut boleh—

- (a) tertakluk kepada hak-hak pemegang sesuatu tenaman mineral, menentukan mineral-mineral

dan bijih-bijih mineral tertentu yang dijadikan tertakluk kepada kehendak pelesenan bagi pemilikan, pembelian, penjualan, penggerakan, pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan mineral;

(b) mengawal dan mengawalselia pengeluaran, pemilikan, pembelian, penjualan, penghantaran dan pengeksportan mineral-mineral dan bijih-bijih mineral untuk memenuhi obligasi-obligasi yang dikenakan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang Malaysia adalah ahlinya, tanpa menjejaskan walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai perkara itu;

(c) menetapkan langkah-langkah perlindungan alam sekeliling, standard efluen, standard bunyi, standard getaran dan standard-standard lain dan cara bagi melindungi alam sekeliling:

Dengan syarat bahawa apa-apa langkah, standard atau cara itu tidak boleh bercanggah dengan mana-mana peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;

(d) menetapkan kehendak-kehendak dan standard-standard bagi penggunaan ejen-ejen bahan letupan dan ledakan, bahan-bahan berbahaya dan toksik, penganginan, keadaan sanitasi dan kebersihan dalam kawasan penjelajahan dan perlombongan;

(e) secara am menetapkan dan membuat peruntukan bagi fee-fee di bawah Akta ini dan cara untuk memungut dan pembayaran balik fee-fee itu;

(f) menetapkan pengemukaan oleh mana-mana pemunya atau pengurus mana-mana lombong penyata-penyata perangkaan dan penyimpanan dan pengemukaan buku-buku dan pelan-pelan oleh mereka;

(g) menetapkan kandungan yang dikehendaki bagi mana-mana skim pengendalian melombong, pelan, laporan atau buku rekod sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta ini;

- (h) menetapkan prosedur apa-apa prosiding bagi perjalanan apa-apa siasatan di bawah Akta ini;
- (i) mengadakan peruntukan bagi keselamatan pekerja-pekerja dalam kawasan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan dan perlombongan;
- (j) menetapkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini yang boleh dikompaunkan dan cara dan prosedur bagi mengkompaunkan kesalahan-kesalahan itu;
- (k) membuat peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang pada amnya menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN VIII

PERUNTUKAN PERALIHAN DAN KECUALIAN, DSB.

64. (1) Mana-mana orang yang, sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, memegang apa-apa jawatan yang perlantikannya boleh dibuat di bawah Akta ini hendaklah kekal dalam jawatan itu dan disifatkan bagi maksud-maksud Akta ini telah dilantik sedemikian.

Peruntukan peralihan dan kecualian.

(2) Tiada apa-apa pun dalam Akta ini boleh menyentuh penguatkuasaan terdahulu, atau apa-apa yang dilakukan di bawah, mana-mana undang-undang terdahulu setakat ianya berhubungan dengan pemeriksaan dan pengawalseliaan penjelajahan dan perlombongan mineral-mineral atau bijih-bijih mineral dan perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya:

Dengan syarat bahawa apa-apa hak, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang sedia ada pada mula berkuatkuasanya Akta ini menurut kuasa mana-mana undang-undang itu hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta ini.

65. Sekiranya apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan antara peruntukan Akta ini dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai dan peruntukan undang-undang bertulis itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketakkonsistenan itu, terbatal.

Percanggahan undang-undang.